

GST selamatkan berbilion ringgit ketirisan SST

BH 1/5

Kuala Lumpur: Selepas tiga tahun Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dilaksanakan, ia terbukti berjaya mengatasi masalah ketirisan berbilion ringgit yang sebelum ini memberi kesan terhadap kerancakan pembangunan ekonomi negara.

Sejak diperkenalkan April 2015 bagi menggantikan sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), GST dilihat mampu menyelamatkan rakyat dan negara daripada terus menjadi mangsa kerakusan pihak mengaut untung yang memanipulasi SST dengan tidak mengisytiharkan cukai.

Hasil kutipan GST tahun lalu lebih RM40 bilion dikembalikan kepada rakyat menerusi pelbagai projek, termasuk menaik taraf infrastruktur dan penambahbaikan sistem pengangkutan awam.

Keputusan memperkenalkan GST yang turut dilaksanakan di 167 negara, diakui langkah tepat ke-

rajaan mengembangkan ekonomi negara, malah model digunakan Malaysia menarik minat kerajaan Arab Saudi untuk melaksanakan sistem cukai itu.

Manfaat kepada rakyat

Penganalisis, Prof Dr Mohd Fuad Mat Jali, berkata kutipan cukai itu banyak memberi manfaat kepada rakyat dan digunakan kerajaan untuk program seperti Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang menawarkan barangan pada harga berpatutan dalam mengurangkan kos sara hidup serta menyediakan kemudahan awam yang murah dan mudah seperti LRT dan MRT.

Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu berkata, rakyat sudah mula memahami GST banyak membantu ekonomi negara dan meningkatkan taraf sosioekonomi.

Pendapatan daripada GST dikira



Mohd Fuad Mat Jali

sama seperti kutipan cukai lain kerajaan, termasuk cukai korporat, cukai pendapatan, pendapatan petroleum dan dividen diterima, yang bermaksud semua hasil pendapatan itu dimasukkan ke dalam dana disatukan ketika kerajaan membuat pembentangan bajet tahunan.

Hasil pendapatan kerajaan dibelanjakan untuk keselamatan dan pertahanan negara, infrastruktur dan kemudahan awam,

pertanian dan perindustrian, kesihatan, membantu golongan memerlukan, sekolah dan universiti.

Penggunaan dana disatukan (termasuk hasil GST) dibuat secara terperinci oleh kerajaan dalam pembentangan belanjawan tahunan di Parlimen yang kemudiannya diaudit Ketua Audit Negara.

Mohd Fuad berkata, jika ada rakyat kurang jelas pelaksanaan sistem cukai itu, ia boleh diterangkan menerusi penerangan oleh agensi kerajaan dan turut dibantu persatuan pengguna berkaitan.

"Kalau tak cukup penguat kuasa, boleh ambil graduan yang belum bekerja untuk menjadi 'Rakan GST' dan buat pemeriksaan di kompleks beli-belah bagi tangani isu ini," katanya.

Dekan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Dr Shazali Abu Mansor, berkata salah faham me-

ngenai GST biasanya berpunca daripada tindakan peniaga yang mengambil jalan mudah dengan mendakwa GST penyebab harga barangan naik sebagai jawapan mudah apabila ditanya pengguna kenapa harga barang mahal.

Katanya, rakyat perlu diberi penerangan lebih mudah punca kenaikan harga barang dan kepentingan GST, agar tidak terus dijadikan alat untuk memburukkan usaha kerajaan dalam meningkatkan ekonomi negara dalam jangka masa panjang.

Timbalan Presiden Pertubuhan Mesra Pengguna Malaysia (PMPM), Azlin Othman, berkata kenaikan harga barang dan perkhidmatan bukan disebabkan GST semata-mata kerana ada faktor lain yang mempengaruhi dan menyumbang kepada masalah kos sara diri yang semakin meningkat seperti pertukaran mata wang asing dan kos pengangkutan.

BERNAMA